



# KUPASAN MUTU JAWAPAN

**BAHASA MELAYU 1**  
**1103/1**

**SPM**  
**2014**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod : 1103/1  
Markah : 130  
Masa : 2 jam 15 minit

**REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Mempunyai dua bahagian:

Bahagian A : Penulisan berdasarkan bahan rangsangan – 30 markah.  
Kepanjangan : 200 – 250 patah perkataan.

Bahagian B : Penulisan satu daripada lima tajuk pilihan – 100 markah.  
Kepanjangan : Melebihi 350 patah perkataan.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi calon bagi kertas Bahasa Melayu 1 peperiksaan SPM 2014 untuk Bahagian A menunjukkan sebahagian besar berada pada peringkat memuaskan. Peringkat kedua ialah berada pada peringkat kepujian dan diikuti jawapan pada peringkat kurang memuaskan. Sementara itu, calon pada peringkat cemerlang melebihi calon yang berada pada peringkat pencapaian minimum.

Pada keseluruhannya calon memahami tugas soalan dengan tepat, iaitu faedah menyertai sukan lasak kepada seseorang dapat dihuraikan dengan jelas. Bagi jawapan calon yang cemerlang kematangan dalam menyampaikan idea terserlah. Jawapan calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan baik dan berkesan. Mereka juga gagal menepati kehendak dan tugas soalan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Sebilangan calon tidak memanfaatkan ketiga-tiga idea yang diberikan. Malah, segelintir calon pula gagal menghuraikan tugas, iaitu faedah-faedah daripada menyertai sukan lasak kerana penguasaan bahasa yang lemah.

Soalan karangan Bahagian B pula, sebahagian besar calon berada pada peringkat kepujian, diikuti dengan peringkat baik, peringkat memuaskan dan kurang memuaskan. Sementara itu, bilangan calon yang mendapat markah cemerlang masih sedikit. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang berada pada peringkat pencapaian minimum.

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugas dengan baik, menyampai, menghurai dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan. Calon dapat mengemukakan contoh yang relevan dan dihuraikan dengan jelas. Calon juga dapat menggunakan bahasa yang gramatis dari segi kata dan ayat disertai dengan ungkapan yang menarik. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan yang luas berhubung dengan tugas soalan.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Kumpulan tinggi**

Bagi Bahagian A, calon dalam kumpulan cemerlang berjaya menjawab tugas dengan tepat, iaitu menyatakan faedah menyertai sukan lasak kepada seseorang. Calon juga dapat menghuraikan ketiga-tiga idea dengan jelas, iaitu faedah dari segi ketahanan mental dan fizikal, keyakinan diri, dan berani menghadapi cabaran. Di samping itu, calon dapat mengemukakan contoh-contoh yang sesuai dengan tugas seperti yang dikemukakan, iaitu aktiviti panjat tembok, basikal bukit, dan aktiviti berakit.

Selain itu, calon menulis dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat, ayat bervariasi serta menyelitkan ungkapan-ungkapan yang menarik. Seterusnya, calon mengolah idea dengan berkesan dan setiap perenggan mempunyai penanda wacana yang sesuai.

Bagi Bahagian B, calon dalam kumpulan cemerlang berjaya menjawab tugas dengan tepat dan menghuraikan idea dengan jelas dan matang. Di samping itu, calon dapat mengemukakan contoh-contoh yang relevan mengikut tugas. Sebagai contoh, bagi soalan 2 calon dapat menjelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh setiap ahli keluarga dalam membantu anak-anak ketika menghadapi sesuatu masalah.

Calon juga dapat menghuraikan idea-idea dengan jelas menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat serta menyelitkan ungkapan-ungkapan yang menarik. Bagi soalan yang berformat, iaitu soalan 1, calon dapat menulis menggunakan format dan laras syarahan dengan betul.

### **Kumpulan sederhana**

Bagi Bahagian A, jawapan calon dalam kumpulan ini masih menepati tugas bahan rangsangan. Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian masih jelas. Namun begitu, terdapat jawapan calon dalam kumpulan ini yang kurang menepati kehendak tugas. Umpamanya, calon menghuraikan idea-idea yang diberi tanpa mengaitkannya dengan contoh yang disediakan seperti aktiviti panjat tembok, basikal bukit dan berakit yang dikemukakan dalam soalan.

Penguasaan bahasa calon masih baik, gramatis dari segi kata dan ayat. Jawapan calon masih menggunakan tanda baca dengan betul dan tepat. Penggunaan ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat beberapa kesalahan ejaan yang minimum. Calon menggunakan kosa kata yang tidak luas tetapi wacananya masih lengkap dan unsur bahasanya masih bervariasi.

Terdapat juga jawapan calon yang memulakan karangan tanpa pendahuluan. Maksudnya memulakan karangan dengan idea yang pertama.

Bagi Bahagian B, secara keseluruhan calon menjawab tugas dengan baik. Calon juga boleh mengemukakan sekurang-kurangnya tiga idea. Tetapi terdapat juga calon menghuraikan idea yang kurang jelas atau calon memberikan contoh-contoh yang kurang relevan.

Calon menggunakan struktur ayat yang gramatis. Walau bagaimanapun, calon masih melakukan kesalahan tatabahasa yang ringan dan minimum. Antara contoh kesalahan yang ketara ialah kesalahan kata majmuk.

Seterusnya, pengolahan karangan calon juga masih menarik. Sungguhpun begitu, terdapat juga pemerenggan karangan yang tidak seimbang. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat menghuraikan sesuatu idea secara seimbang atau tidak dapat mengemukakan contoh bagi sesetengah idea.

### **Kumpulan rendah**

Bagi Bahagian A, calon dalam kumpulan ini masih atau kurang memahami tugas. Huraian yang dikemukakan kurang atau tidak jelas. Calon juga gagal menguasai kemahiran menulis. Kegagalan ini menyebabkan idea tidak dapat dihuraikan dengan jelas dan tidak tersusun. Masih banyak calon yang menulis karangan kurang daripada 200 patah perkataan malah terdapat calon yang hanya menyalin soalan.

Kebanyakan jawapan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang tidak gramatis. Jawapan calon juga terpengaruh oleh gaya bahasa lisan. Penggunaan ayat terlalu panjang menyebabkan karangan sukar difahami. Di samping itu, terdapat ayat-ayat tergantung dan kadang kala terlalu panjang serta meleret-leret. Calon juga lemah dalam penggunaan imbuhan dan pemilihan kata yang tepat di samping kosa kata yang terhad.

Bagi Bahagian B, secara keseluruhannya, jawapan calon tidak bermutu. Calon tidak mempunyai kemahiran menulis. Hal ini disebabkan calon kurang mempunyai pengetahuan tentang isu yang dikemukakan dalam soalan serta tidak memahami kehendak soalan menyebabkan mereka gagal memberikan idea yang sesuai.

Penguasaan bahasa calon tidak memuaskan atau lemah. Terdapat juga calon yang menghuraikan idea dengan menggunakan bahasa lisan dan struktur ayat yang mudah. Calon banyak melakukan kesalahan bahasa seperti tanda baca, imbuhan dan penggunaan kosa kata yang tidak tepat. Terdapat jawapan calon yang tidak difahami kerana struktur ayatnya tidak jelas dan mengemukakan idea yang tidak berkaitan. Penguasaan kosa kata calon amat lemah. Calon juga terpengaruh oleh penggunaan bahasa ibunda masing-masing.

Pengolahan jawapan calon amat lemah sehingga sukar untuk mengesan idea yang dikemukakan. Sesetengah calon menulis karangan tanpa perenggan. Calon tidak menggunakan penanda wacana yang sesuai. Sebilangan kecil calon hanya menyalin soalan.

## PRESTASI TERPERINCI



### Bahagian A

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian aktiviti sukan lasak dan faedah menyertainya.

Huraikan pendapat anda tentang faedah menyertai aktiviti sukan lasak kepada seseorang. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

#### Faedah Menyertai Sukan Lasak

- Ketahanan mental dan fizikal
- Keyakinan diri
- Berani menghadapi cabaran



Soalan Bahagian A meminta calon menghuraikan faedah menyertai sukan lasak berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.

sepanjang melakukan aktiviti lasak  
Hasil positif yang bakal kita peroleh (termasuklah ketahanan mental dan fizikal). Situasi ini timbul kerana tenaga yang banyak diperlukan dalam menjalankan aktiviti ini. Kerananya, jantung seseorang akan teransang untuk mengepam darah keseluruh badan dengan cekap dan pantas. Oleh hal yang demikian, daya tahan kardiovaskular seseorang dapat ditingkatkan serta daya tahan diri terhadap penyakit dapat ~~dielakkan~~ dielakkan. Sebagai bukti yang terang lagi nyata, aktiviti ~~beb~~ berbasikal bukit yang memerlukan berakit yang memerlukan tenaga yang banyak bagi melawan arus deras air mahupun rakit yang digunakan kecil sahaja. Jelaslah bahawa, tubuh badan kita dapat dikuatkan dengan melakukan ~~at~~ sukan lasak.

Dalam kumpulan tinggi, calon menjawab tugas dengan tepat. Calon dapat menghuraikan faedah sukan lasak kepada seseorang. Faedah tersebut ialah dapat membina diri seseorang dalam aspek ketahanan mental dan fizikal, keyakinan diri serta berani menghadapi cabaran berdasarkan tiga gambar bahan rangsangan yang diberikan dalam soalan, iaitu aktiviti panjat tembok, basikal bukit dan berakit. Ketiga-tiga idea tersebut dapat diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.

Konklusinya, aktiviti sukan lasak memberikan banyak faedah kepada sesiapa yang melakukannya. Menteri Belia dan Sukan, atau mana-mana pihak yang bertanggungjawab ~~untuk~~ seharusnya mendorong masyarakat agar melakukan aktiviti ~~ini~~ ini. Semakin ramai masyarakat Malaysia yang melakukan aktiviti sukan lasak ini, semakin ramai rakyat yang mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang kuat, keyakinan diri ~~ya~~ yang tinggi dan berani untuk menghadapi apa-apa ~~cabar~~ cabaran yang datang.

Calon menulis kesimpulan yang mantap, iaitu menggunakan pelbagai ayat yang gramatis, penanda wacana yang sesuai dan disertai ungkapan yang menarik.

Bertitik-tolak daripada itu, sukan lasak mampu membina keyakinan diri yang tinggi kepada seseorang kerana sukan lasak dapat menyingkirkan segala perasaan takut serta gementar yang terbit di hati mereka. Keyakinan diri bukan sahaja yakin untuk tampil di hadapan orang ramai, malah yakin akan kebolehan diri untuk terus berusaha ke garisan penamat.

Dalam kumpulan sederhana, calon masih menghuraikan idea yang berkaitan tugas soal. Namun begitu, calon tidak menyatakan contoh-contoh yang terdapat di dalam bahan rangsangan. Terdapat juga calon yang menghuraikan ketiga-tiga faedah menyertai sukan lasak, iaitu ketahanan mental dan fizikal, keyakinan diri serta berani menghadapi cabaran secara sekali gus di dalam satu perenggan.

Sukan lasak ini telah menyediakan pelbagai faedah kepada seseorang. Faedahnya adalah dapat membina ketahanan mental dan fizikal seseorang untuk mengharungi pelbagai risiko yang bakal dihadapi. Seterusnya, hal ini juga dapat mendidik seseorang untuk mempunyai ketahanan yang mantap dari segi fizikal agar seseorang itu dapat menahan segala rasa sakit yang dihadapi.

Penggunaan bahasa calon masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata adalah umum dan terdapat kesalahan yang minimum. Terdapat juga calon yang tidak memahami dan membezakan ketiga-tiga faedah yang diberikan dengan jelas, iaitu hanya bertumpu kepada faedah ketahanan mental dan fizikal sahaja.

Seterusnya kita boleh bercuba aktiviti - aktiviti yang sukan lasak iaitu panjat tembok, kerana aktiviti ini boleh meningkat kita ada epakin. Kedua, aktiviti ini ialah basikal bukit, aktiviti - aktiviti ini kita boleh bangunan daripada 6.00 jam, selepas mengajak kawan-kawan bersama - sama mengqungan basikal ke bukit. Akhir itu aktiviti ialah berakit, kita boleh mengajak kawan dengan bersama menyertai aktiviti ini sebab, Aktiviti ini boleh ketahan mental dan fizikalnya.

Dalam kumpulan rendah, calon masih menjawab tugas bahan rangsangan tetapi huraian idea tidak jelas. Terdapat calon yang menyatakan faedah-faedah sukan lasak tetapi tiada huraian yang mantap disebabkan bahasa yang tidak gramatis. Antara ketidakgramatisan bahasa tersebut ialah penggunaan imbuhan yang salah, ayat tergantung, diksi yang tidak tepat, dan penanda wacana yang tidak relevan.

Kesimpulannya, usaha-usaha untuk meningkat sektor pelancong yang diberikan perhatian oleh semua pihak. Komitmen dan kesungguhan lapisan rakyat dalam perkara ini akan meningkatkan Sektor pelancongan kepada kita semua. Jesteru, kita perlu meningkat Tahun Melawat Malaysia dengan dilestari bangsa dan raja. Hilai usaha ini, dalam hal ini pasti dalam yang kecemerlang.

Kesimpulan yang dibuat oleh calon tiada kaitan dengan tugas soalan. Idea dan ayat-ayat yang dihidangkan cuma berbentuk hafalan sahaja.

## Bahagian B

### SOALAN 1

Anda akan mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah 'Pengurusan Masa Berkesan Melahirkan Individu Cemerlang'.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

Soalan ini meminta calon untuk menulis karangan syarahan berdasarkan tajuk syarahan yang diberi menggunakan format penulisan syarahan yang lengkap.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, yang berusaha Tuan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Baru, Tuan Haji Pasi bin Abdul Pajah, yang dihormati ahli-ahli panel hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru serta kawan-kawan yang dikasih sekali. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya masih lagi dapat berdiri di atas pentas ini bagi menyampaikan maksud syarahan saya yang bertajuk Pengurusan Masa Berkesan Melahirkan Individu Cemerlang. Sebelum kita menelusuri satu persatu aspek yang <sup>perlu dirungkai</sup> ditetapkan dalam tajuk tersebut, saya mempunyai satu persoalan yang sentiasa bermain di dalam katak fikiran saya, bagaimana ~~sa~~ caranya kita mengurus masa? Jawapannya ada sebenarnya pada diri masing-masing. Namun begitu suka untuk saya buktikan bahawa pengurusan masa yang efektif mampu membesut individu yang cemerlang dalam semua aspek.

Dalam kumpulan tinggi, calon dapat menulis karangan dengan menggunakan format syarahan yang betul.

Bukan itu sahaja, individu yang cemerlang dapat diahirkan jika mempunyai pengurusan masa yang berkesan kerana mereka dapat melakukan kerja lebih banyak berbanding orang lain. Jadi kita ambil situasi dalam konteks ~~pet~~ sebagai seorang pelajar. Pelajar yang mempunyai pengurusan masa yang baik pasti sudah tahu mengenai masa yang diperlukan untuk mengurus diri. Sebagai contoh, jika dia memperuntukkan 15 minit untuk mengurus diri, masa yang baki banyak pasti dia boleh gunakan untuk mengulang kaji banyak pelajaran walaupun pada waktu itu hanyalah masa senggang. Pelajar tersebut pasti sudah boleh merancang aktiviti yang hendak dilakukan selepas mengurus diri. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang tidak pandai menguruskan masa, mereka akan menggunakan masa dengan sembarawa. Banyak masa yang akan dibazirkan untuk perkara-perkara yang tidak mempunyai kepentingan kepadanya.

Calon menggunakan pelbagai ayat yang gramatis dalam penulisan. Kosa kata luas, tepat dan unsur bahasa yang bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan dan calon juga menggunakan ungkapan yang menarik dalam menghuraikan idea. Contoh yang diberikan sesuai serta dihuraikan dengan jelas dan matang.

Selain itu, individu yang cemerlang mempunyai pengurusan masa yang berkesan supaya kehidupan dan kerja mereka menjadi sistematik. Contohnya, mereka akan mengatur masa mengikut keutamaan tugas pada hari tersebut. Tugas yang perlu diselesaikan awal akan diselesaikan terlebih dahulu. Kebiasaannya, masa yang ditetapkan itu sangat sesuai dengan masa yang digunakan untuk menyiapkan tugas tersebut. Pengurusan masa yang sistematik akan mengelakkan kita daripada menanggung beban tugas sehingga terpaksa dilakukan ketika saat-saat akhir. Hasilnya juga akan menjadi tidak memuaskan kepada diri kita dan orang. Hal ini berbeza apabila kita melakukan <sup>dan menyiapkan</sup> kerja mengikut waktu yang ditetapkan. Natiujahnya akan menjadi sangat baik sehingga boleh dijadikan rujukan kepada orang lain. Tugas yang ~~perlu dihantar~~ tersebut juga boleh dihantar secepat mungkin kepada <sup>malah melahirkan pujian</sup> pihak atasan ataupun bos. Jadi, ini tidak akan mengundang rasa marah mereka kerana tugas yang diberikan sudah disiapkan awal pada waktunya.

Calon juga dapat mengolah idea dengan menarik dan berkesan. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea.

Selain itu, untuk pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan seperti UPSR, PT3 mahupun SPM khususnya, anda tidak digalakkan untuk belajar pada saat akhir. Walaupun sesetengah pelajar berpandangan bahawa perkara tersebut baik untuk dilakukan tumpaknya kesan negatif telah menjangkau kesan positif yang bakal diterima oleh para pelajar. Apabila pelajar belajar di saat-saat akhir, mental pelajar tersebut akan mula panik dan stres apatah lagi apabila dia mengetahui yang terdapat banyak silibus yang belum dibacanya. Persediaan untuk peperiksaan haruslah dilaksanakan sejak bulan Januari lagi. Sekiranya kita membuat persediaan di saat akhir, jayumlah kita menyesal apabila nasi sudah menjadi bubur. Baik kita peka, sudah terhentak baru hendak

Dalam kumpulan sederhana, calon dapat mengemukakan idea yang masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh yang dinyatakan masih sesuai. Calon menggunakan pelbagai ayat gramatis atau masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Pengolahan jawapan calon masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik, pelajar jangan lupa mengeluarkan masa untuk bersukan. Hal ini lantaran, bersukan dapat mengelakkan lesihan badan diri supaya lebih bersemangat untuk belajar. Bersukan juga dapat memastikan otak cerdas badan cergas pelajar. Sebagai contoh, pelajar boleh berbasikal, mendaki gunung, bermain bola keranjang dan bermain bola sepak sekiranya dia keali seminggu. Oleh itu, pelajar yang cemerlang pandai menguruskan masa supaya dapat bersukan untuk mengedahkan lesihan badan diri sendiri untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Calon melakukan kesilapan dengan menghuraikan idea yang tidak berfokus pada tugas soal.

Antara predica, ibu bapa juga perlu menjadi seorang yang mengada pengurusan masa yang baik. Ibu bapa hendaklah mengajar anak-anak perkara ini semasa mereka masih kecil. Selain itu, ibu bapa juga boleh memberitahu sebagai baik dengan perkara ini dan bawak kalau tidak mengadakan pengurusan masa yang baik. Di samping itu, ibu bapa boleh mengajar atau memberi anak jadual masa dan mencuba mula selama sebulan.

Dalam kumpulan rendah, calon mengemukakan idea yang bercampur-aduk, huraian tidak jelas, tidak berkembang dan contoh yang dikemukakan tidak sesuai.

Kalau anak-anak sudah mengada jadual masa sendiri, mereka akan menjalankan aktiviti yang baik. Juga begitu semasa bermula menjalankan aktiviti menguruskan masa sendiri akan bersusah. Tetapi sesiapa orang cenderung tidak akan berasa susah dahulu atau masih kecil. Mengadakan peribahasa Melayu berakit-berakit dahulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian

Bagi kategori calon yang lemah dalam penulisan, terdapat beberapa kesalahan bahasa yang ketara telah dilakukan sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis. Bahasa calon lemah, ayat tidak gramatis dan penggunaan kata kurang tepat.

Selain itu, pelajar yang cemerlang juga pandai menguruskan masa mereka untuk bersama dengan ibu bapa. Menurut H. Perdana Menteri Malaysia, Najib Tun Abdul Razak, "orang yang berjaya sentiasa berbincang-bincang dengan ibu bapa." Ibu bapa ialah orang yang mengajar dan memberi ilmu pengetahuan kepada kita. Oleh itu, kita perlulah mengeluarkan masa untuk bersama dengan mereka. Contohnya, menemani mereka pergi ke pusat membeli-belah untuk membeli barang, berbincang-bincang dengan mereka, memakan malam dengan mereka supaya mengeratkan hubungan dengan mereka. Tujuannya, menguruskan masa berkesan melahirkan individu cemerlang.

Calon tidak dapat mengolah karangan dengan menarik.

## Soalan 2

**Setiap anak memerlukan sokongan dan dorongan daripada ahli keluarga apabila menghadapi sesuatu masalah.**

**Jelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh setiap ahli keluarga dalam membantu anak-anak ketika menghadapi sesuatu masalah.**

Soalan 2 meminta calon menulis karangan tentang peranan setiap ahli keluarga dalam membantu anak-anak ketika mereka menghadapi masalah.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam <del>mengambil</del>
<del>cakna</del> masalah anak-anak membantu anak-anak menghadapi
masalah dengan cara mengambil berat atau cakna
akan masalah anak-anak. Ibu bapa haruslah ringan mulut
untuk bertanya dan membantu menyelesaikan masalah <sup>anak-anak</sup>
bagi individu yang menghadapi masalah kerohanian,
ibu bapa seharusnya meluangkan sedikit masa untuk
menasihati atau memberi motivasi kepada anak-anak.
<del>Biarapun masa itu dibaratkan sebagai emas.</del> Biarapun
sedikit motivasi diberikan, namun <del>nescaya</del> jika ibu bapa itu
ikhlas, setiap kata-kata yang diajukan nescaya akan
dapat meningkatkan keyakinan anak-anak dalam mendepan
dunia yang kian pesat dengan masalah dan dugaan.

Dalam kumpulan tinggi, calon menjawab tugas soal dengan tepat. Calon berjaya menghuraikan peranan setiap ahli keluarga untuk membantu anak-anak ketika menghadapi sesuatu masalah. Calon dapat mengemukakan idea tentang peranan ahli keluarga seperti ibu bapa, datuk atau nenek, dalam memberikan nasihat kepada anak-anak yang menghadapi masalah. Calon juga dapat mengemukakan contoh masalah yang dihadapi oleh anak-anak dan menghuraikan cara penyelesaiannya dengan berkesan.

Di samping itu, adik-beradik juga memainkan peranan penting dalam membantu seseorang individu menghadapi masalah yang berkaitan emosi dan perasaan. Antara masalah yang sering dihadapi oleh remaja belasan tahun adalah pergaduhan dengan rakan-rakan di sekolah. Sebagai adik-beradik yang prihatin, kita seharusnya meminjamkan telinga dan bahu <sup>kita sebagai tempat untuk</sup> untuk mereka bercerita dan menangis. Hal ini demikian dapat membantu mereka menyelesaikan masalah melalui sokongan moral dan nasihat yang diberikan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, 50% remaja menghadapi masalah tekanan kerana kecelaruan mereka untuk bertanya dan bercerita kepada ahli keluarga, <sup>malah ada yang kerap menyimpan masalah itu secara sendirian.</sup> Oleh itu, remaja seharusnya menghapuskan rasa kekok di hati untuk bercerita kepada ahli keluarga ~~berbanding dengan~~ kerana keluarga merupakan antara orang yang boleh kita percayai di dunia ini.

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat. Calon dapat menggunakan unsur bahasa yang bervariasi serta menggunakan ungkapan menarik.

Selain itu, ibu bapa berpenanan mengatasi masalah anak-anak seperti anak-anak sosial ketana menghadapi masalah masalah pelajaran. Anak lemah dalam mata pelajarannya. Jadi ibu bapa kena bincang dengan anak-anak tersebut maka masalah yang mereka hadapi. Ibu bapa patut tahu campai masalah anak-anak itu. Anak-anak pula tidak boleh untuk seerti masalah yang mereka hadapi. Oleh itu ahli keluarga dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh anak-anak itu. Situasi ini saralah dengan pesitakasa menyediakan payung sebelum hujan. Anak-anak akan berra pada ket jikalau masalah mereka dapat diuraikan dan diselesaikan oleh ahli keluarga terutamanya ibu bapa sendiri. Anak-anak akan dapat keputusan yang baik dalam pelaksanaan mereka nanti. Malangnya, ibu bapa berpenanan penting untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh anak-anak kerana anak-anak amat penting kepada ibu bapa.

Dalam kumpulan sederhana, calon masih memahami tugas. Idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Calon dapat mengemukakan peranan ahli keluarga untuk mengatasi masalah anak-anak tetapi contoh masalah tidak dinyatakan secara khusus. Penggunaan bahasa calon masih gramatis tetapi terdapat kesalahan-kesalahan yang minimum. Di samping itu, penggunaan kosa kata masih luas dan pengolahannya masih menarik.

Masyarakat sekarang mempunyai banyak anak-anak berseka internet dan bermain game, Bermain game ialah berguna masa yang paling panjang. Selain itu, Pengaruh kawan sebaya ialah penting, ibu bapa mestilah menasihati dengan anak-anaknya. Tidak bercakap tidak boleh bermain game tetapi bermain game ialah sesuatu media massa, Tetapi kita mesti mengatakan fizikal yang masa. Kita perlulah berguna masa untuk membaca buku dan mengajar. Membaca buku ialah untuk sendiri. Ibu bapa mesti memberitahu kepada anak-anak, dan mengajar anaknya mengapakah berguna masa yang betul. Inilah masalah disiplin akan kekurangan.

Dalam kumpulan rendah, calon tidak dapat menghuraikan idea dengan jelas dan contoh masalah yang dihadapi oleh anak-anak tidak disertakan dalam jawapan calon. Calon memasukkan idea tentang peranan pihak lain dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh anak-anak.

Bapa dimainkan bagi pemandu dan pekerja, setiap hari dia memandulkan kereta untuk membagikan mereka ke sekolah dan tempat lain. Dia juga bekerja dengan rajin untuk mendapat duit untuk kehidupan keluarga dengan tiada kesusahan dalam tambahan lain. Disamping itu, dia juga suka bagikan kecewa dan bermain dengan mereka. Dia juga memberi barangan untuk mereka dalam keadaan yang baik, mereka akan gembira terdapat barang itu.

Adik sebagai adik yang nakut, suka membagikan bimbang dan masalah kepada mereka. Walaupun sudah kali-kali bercakap dengan dia, dia tidak akan mendengar, mereka akan mengajar sampai baik kerana inilah ajaran abang. Tetapi, adik juga ada bahagian yang bagi mereka mengingatkan dalam situasi gembira.

Penggunaan bahasa calon adalah lemah, dan terdapat kesalahan bahasa yang ketara dilakukan sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis. Calon juga menggunakan bahasa lisan dalam penulisan. Kosakata calon juga adalah terhad dan banyak penggunaannya yang salah. Banyak kesalahan imbuhan yang dilakukan sehingga menjejaskan maksud ayat.

### Soalan 3

**Usaha kerajaan memajukan bidang pertanian memang wajar kerana bidang ini memberikan pelbagai kebaikan kepada rakyat dan negara.**

**Bincangkan.**

Soalan 3 meminta calon menulis karangan perbincangan tentang usaha kerajaan dalam memajukan bidang pertanian serta kesannya kepada rakyat dan negara.

Salah satu wahana yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah pemberian bantuan dan segi penggunaan jentera moden serta pembahagian benih yang berkualiti tinggi. Usaha ini dapat meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya golongan petani yang dahulunya merupakan antara golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Sejak penjajahan kolonial British, petani tempatan yang menanam tanaman bukan komersial kurang mendapat bantuan dan terpaksa menjalankan pertanian tanpa kemudahan yang lengkap. Namun kini, kerajaan telah mengorahkan "Malaysian Ag Agriculture Research and Development Institute", (MARDI) untuk menghasilkan biji benih yang bertualiti agar dapat menuai hasil tanaman yang bertualiti.

Dalam kumpulan tinggi, calon menjawab tugas dengan tepat. Calon dapat menghuraikan usaha kerajaan untuk memajukan bidang pertanian dan bidang pertanian ini memberikan pelbagai kebaikan kepada rakyat dan negara. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang serta contoh yang sesuai.

Antara usaha yang dikemukakan adalah seperti memberikan bantuan dari segi penggunaan jentera moden serta pembahagian benih yang berkualiti tinggi, yang akhirnya dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Selain itu, usaha kerajaan ialah membuka peluang perniagaan kepada para petani, sekali gus meningkatkan pendapatan negara. Berikutnya, calon menyatakan usaha kerajaan seperti menjalankan penyelidikan pertanian, dan usaha ini dapat menambahkan kadar produktiviti negara. Seterusnya, usaha kerajaan ialah mengeksport hasil pertanian ke luar negara, dan dapat meningkatkan sumber ekonomi negara. Berikutnya, usaha kerajaan ialah pengkomersialan keluaran pertanian, akhirnya dapat melonjakkan nama negara di persada dunia dalam bidang pertanian.

Sejajar dengan Wowason 2020 iaitu keinginan melabirkan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju lain, kerajaan telah menginisiatifkan pelbagai usaha untuk melonjakkan ekonomi negara melalui bidang pertanian. Malaysia masih menjadi salah satu pengeluar getah dunia sejak tanaman komersial itu diperkenalkan oleh H N Ridley pada tahun 1943 di Tanah Melayu. Sehingga kini, industri getah terus dimajukan oleh kerajaan dengan mengeksport getah mentah kepada negara lain seperti Jepun melalui perdagangan barter demi melonjakkan ekonomi negara.

Calon dapat menggunakan bahasa yang gramatis dengan menggunakan kosa kata yang luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi dan gaya bahasa yang menarik.

~~Intak~~ Sebagai membuka tirai pertambangan, kebajikan memajukan bidang pertanian ialah rakyat dapat mempunyai peluang pekerjaan <sup>menwujudkan</sup> ~~keuntungan~~ peluang pekerjaan yang banyak. Perkara ini perlu diberi keutamaan kerana kebanyakan ladang dan sawah memerlukan pekerja yang ramai pekerja untuk melakukan kerja-kerja pertanian apabila bidang pertanian dimajukan dengan pesat. Perkara ini boleh direalisasikan dengan menawarkan gaji yang lumayan ~~se~~ untuk menarik orang-pekerja di ladang-ladang. Sebagai contoh, yang boleh mengokong hujah di atas ialah ladang kelapa sawit, ladang lada hitam, ladang getah, sawah padi dan sebagainya. Berdasarkan perkara di atas, ternyatalah bahawa kemajuan dalam bidang pertanian dapat meningkatkan peluang pekerjaan.

Dalam kumpulan sederhana, calon masih menjawab tugas. Idea yang dikemukakan masih relevan dan huraian isi masih jelas serta contoh yang diberikan masih sesuai. Calon menjelaskan kemajuan bidang pertanian dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat. Pekerjaan itu melibatkan kerja-kerja pertanian di sawah dan di ladang.

Selain itu, kebajikan yang setemunya ialah meningkatkan ekonomi negara. Hal ini perlu diberi perhatian mendalam kerana dengan ~~peningkatan~~<sup>kelebihan</sup> bekalan makanan, negara boleh mengeksportkan bekalan yang lebih itu ke luar negara. Hal ini dapat diwujudkan kerana tanaman hasil tempatan juga berkualiti baik dan juga ~~boleh~~ dapat setanding dengan negara luar dan ada ~~tanaman~~<sup>atau</sup> juga mempunyai kualiti yang lebih baik daripada negara luar. Kadar ~~dan jumlah~~<sup>dan jumlah</sup> jenayah yang berlaku di negara juga akan menurun. Rakyat mempunyai pekerjaan tulap dan gaji yang lumayan. ~~dengan~~ kemajuan dalam bidang pertanian. Mereka tidak akan melalukan jenayah seperti

Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai jenis ayat tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan unsur bahasa juga masih bervariasi, kosa kata umum dan gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa.

Masyarakat juga lebih minat ~~tipu~~ pada mekanik dari pada pertanian ~~faat~~ sumber makanan. Seharus pada diri kita. Apa yang hendak di bincangkan pada hari ini ~~adalah~~ ialah memajukan bidang pertanian. Kerajaan harus hendaklah memperbanyakan lagi bidang pertanian dalam masyarakat yang akan datang supaya pelajar-pelajar akan datang lebih minat pertanian untuk menghasilkan sayur-sayuran yang segar-segar dan bertaraf dunia.

Selain itu, kerajaan memperbanyakan lagi sekolah pertanian ~~di~~ semua risda pertanian, M.P.V dan siaran melalui media masa, media cetak untuk ~~memberi tahu~~<sup>membriah</sup> masyarakat supaya lebih ramai yang tahu kelas pertanian dipelihara di merata-rata tempat. Kawasan yang

Dalam kumpulan rendah, calon kurang menjawab tugas. Huraian idea tidak jelas serta contoh yang dikemukakan kurang sesuai.

Seterusnya juga boleh mengeluarkan hasil-  
hasil yang berkuantiti berkualiti tinggi dan sitaraf dari  
negara-negara luar. Selain itu juga Kerajaan boleh  
mungkin export barang daripada negara lain. Apa bila  
sudah bangrak tempahan Kita hendaklah memperamalkan  
perkerja-perkerja pertanian, pengurus pertanian hendaklah  
bijak untuk melakukan sesuatu tindakan dan hendaklah  
bijak menggunakan memilih menggunakan barang mudah  
seperti bajak piring, bajak sekunder dan pabagai-bagai  
lagi.

Keseluruhannya menunjukkan calon menggunakan kata dan ayat yang tidak gramatis. Keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan pengolahan tidak menarik.

#### SOALAN 4

**Usaha membanteras penyeludupan dadah memerlukan kerjasama antara negara-negara di dunia.**

**Jelaskan bentuk-bentuk kerjasama tersebut.**

Soalan 4 meminta calon menulis karangan tentang kerjasama antara negara-negara di dunia dalam usaha untuk membanteras penyeludupan dadah.

Banyak usaha yang perlu dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan dadah dan hal ini memerlukan kerjasama antara negara-negara di seluruh dunia. Antaranya ialah negara-negara yang berjiran seperti Malaysia dan Thailand perlulah bekerjasama dalam membanteras penyeludupan dadah yang sering berlaku di sempadan antara Malaysia dan Thailand. Pihak beraja <sup>kerajaan</sup> kedua-dua buah negara perlu menguatkan dan mempertingkatkan pemeriksaan barangan yang akan dibawa masuk ke dalam negara. Kerjasama antara pegawai imigresen kedua-dua buah negara di sempadan amat diperlukan untuk membanteras aktiviti penyeludupan dadah.
---

Dalam kumpulan tinggi, keseluruhan jawapan calon dalam kategori ini dapat menjawab tugas dengan tepat dan relevan. Calon berjaya menyatakan pelbagai bentuk kerjasama untuk membanteras penyalahgunaan dadah antara negara-negara di dunia. Calon mengemukakan kerjasama antara Malaysia dengan Thailand dalam membanteras penyeludupan dadah di sempadan antara Malaysia dan Thailand.

Antara idea yang dikemukakan ialah, menubuhkan satu pasukan khas daripada pegawai polis dan pakar-pakar dalam membanteras penyeludupan dadah di seluruh dunia. Di samping itu, negara-negara dunia boleh berkongsi maklumat berkaitan kedudukan kumpulan yang menjalankan penyeludupan dadah dan bekerjasama untuk menjejaki dan menangkap mereka.

Banyak usaha yang perlu dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan dadah dan hal ini memerlukan kerjasama antara negara-negara di seluruh dunia. Antaranya ialah negara-negara yang berjiran seperti Malaysia dan Thailand perlulah bekerjasama dalam membanteras penyeludupan dadah yang sering berlaku di sempadan antara Malaysia dan Thailand. Pihak <sup>kerajaan</sup> kerja kedua-dua buah negara perlu menguatkan dan mempertingkatkan pemeriksaan barangan yang akan dibawa masuk ke dalam negara. Kerjasama antara pegawai imigresen kedua-dua buah negara di sempadan amat diperlukan untuk membanteras aktiviti penyeludupan dadah.

Jawapan calon pada peringkat ini menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Kosakata yang digunakan sangat luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan sangat menarik. Selain itu, wacana yang digunakan lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

Di samping itu, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom seharusnya memberikan pertolongan dan kerjasama dari segi tenaga pakar, penyiasat dan lain-lain kepada negara-negara yang sedang membangun untuk membanteras penyeludupan dadah. Mereka juga boleh melatih pegawai polis dalam prosedur-prosedur untuk memeriksa barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negara. Alat-alat untuk mengesan dadah juga boleh dibekalkan oleh negara maju kepada negara yang sedang membangun atau miskin untuk membantu memudahkan usaha membanteras penyeludupan dadah.

Pengolahan menarik dan berkesan. Calon menulis tentang kerjasama antara negara maju dengan negara sedang membangun untuk membanteras penyeludupan dadah. Calon dapat menghuraikan bentuk kerjasama itu dengan berkesan. Penggunaan wacana yang lengkap. Calon mempunyai pengetahuan yang luas tentang bentuk kerjasama yang sepatutnya dilakukan oleh negara-negara di dunia bagi membanteras penyeludupan dadah.

maju seperti Amerika Syarikat

Selain itu, negara-negara juga dapat menghantar kumpulan pemeriksaan dadah untuk negara yang perlulah bantuan. Hal ini demikian kerana. Kumpulan pemeriksaan negara tersebut mempunyai alat pemeriksaan yang canggih dalam dunia ini dan pemeriksanya amat berpengalaman tentang kes-kes penyeludupan dadah ini kerana negara Amerika Syarikat merupakan salah satu negara yang mempunyai kes penyeludupan yang paling tinggi dalam dunia ini. Sebagai contohnya, jika negara kita menghadapi kes tersebut dan tidak dapat diselesaikan, negara kita dapat meminta bantuan daripada negara Amerika Syarikat untuk memeriksa kes tersebut. Bah kata pepatah, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Dengan kerjasama ini, negara kita bukanlah sahaja dapat menyelesaikan kes penyeludupan dadah di negara kita, tetapi juga dapat mengeratkan hubungan dengan negara-negara maju seperti negara Amerika Syarikat; duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

Dalam kumpulan sederhana, keseluruhan jawapan calon dalam peringkat ini masih dapat menjawab tugas dengan baik. Idea-idea yang diberikan masih relevan dan huraian isi masih berkembang. Selain itu, contoh yang dikemukakan masih sesuai. Kebanyakan jawapan calon dalam peringkat ini mempunyai idea tetapi masih melakukan kesalahan bahasa yang minimum.

Kerjasama yang berikut ialah kerana ekonomi sesebuah negara itu sangat merondong dan tiba masa mereka membuka perniagaan menjual segala jenis dadah yang diambil dari negara lain lalu dieksport ke seluruh dunia. Oleh itu semua negara harus bertindak agresif bekerjasama mengadakan perjumpaan dengan negara yang mengeluarkan dadah tersebut. Justeru itu setiap tahun kerjasama antara negara-negara untuk memastikan tiada penyeludupan dadah dengan kepandaian sesebuah negara mereka perlu mengadakan mesyuarat tahunan agar kes-kes penyeludupan dadah dapat dibanteras. Seterusnya pengangkutan dadah melalui darat juga perlu dikenali pasti dan jangan dipandang remeh oleh sesebuah negara. Oleh itu penguatkuasaan jalanraya perlu lebih prihatin agar negara ~~ter~~ terus maju kerana tiada penyeludupan dadah!!!

Kesilapan calon ialah keseluruhan jawapan pada peringkat ini tidak dapat menghuraikan idea dengan jelas dan tepat. Antara faktor disebabkan oleh bahasa yang tidak gramatis. Calon gagal membina ayat yang gramatis dan kosa kata yang digunakan adalah terhad. Selain itu, calon menggunakan struktur ayat yang mudah atau ayat lisan.

Kerjasama pertama kita boleh bermula dari kawasan sekolah. Menyerikan pengetahuan-pengetahuan sekolah bahawa mempunyai kempen antidadah di sekolah, mengajar murid-murid tentang bahaya dadah terhadap tubuh badan kita, kebajikan dadah terhadap kita. Pengetua-pengetua sekolah juga boleh merakam video antidadah kepada murid-murid agar mereka tidak menyedup dadah. Pengetua-pengetua perlu menasihati kaunseling kepada murid-murid yang bermasalah agar boleh mengetahui masalah yang dihadapi mereka dan menolong menyelesaikan masalah yang dihadapinya agar tidak menjadi lebih buruk dan tidak sentuh dadah.

Dalam kumpulan rendah, jawapan calon pada peringkat ini tidak menjawab tugas atau tidak memahami tugas soalan iaitu usaha membanteras penyeludupan dadah memerlukan kerjasama antara negara-negara di dunia. Terdapat calon menghuraikan idea tentang usaha-usaha membanteras penyeludupan dadah di dalam negara kita sahaja. Huraian isi kurang atau tidak jelas iaitu tidak menepati tugas yang diberi. Malah contoh yang diberikan juga tidak sesuai.

Antara idea yang tidak relevan dan tidak menjawab tugas ialah peranan pengetua di sekolah untuk merakamkan video antidadah, kepada murid-murid agar mereka tidak menyeludup dadah. Selain itu, calon mencadangkan supaya pengetua memberikan kaunseling kepada murid-murid agar masalah berkaitan dadah tidak menjadi lebih buruk.

Kerjasama kedua, kerjasama ketua negara dengan masyarakat bekerja susah. Penyeludupan dadah juga selalu didapati atas remaja yang bekerja. Mereka selalu menghadapi masalah di dalam kerja, rumah, kawasan dan sebagainya. Masalah yang dihadapinya dan tidak diadatkan dengan baik boleh menyebabkan mereka menyeludup dadah. Sebagai seorang ketua syarikat, mereka mempunyai hak untuk menyelesaikan masalah tersebut. Mereka perlu mencari pekerja-pekerja yang bermasalah dan menolong mereka menyelesaikan masalah yang dihadapinya dan menjaga perasaan mereka.

Calon yang lemah dalam penulisan melakukan beberapa kesalahan tatabahasa yang ketara dari segi morfologi mahupun sintaksis. Keseluruhan hasil penulisan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Di samping itu, penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. Calon juga gagal mengolah isi karangan dengan baik.

## Soalan 5

**Minat murid-murid terhadap karya sastera seperti novel, cerpen, puisi dan drama perlu dipupuk sejak awal lagi.**

**Huraikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera.**

Soalan 5 meminta calon menulis karangan tentang aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera.

Pihak sekolah juga dapat memupuk minat pelajar tentang karya sastera yang kononnya lapuk dengan mengadakan minggu bahasa dan sastera melayu. Pelajar yang suka akan aktiviti di luar bilik darjah akan lebih berminat untuk menyertai pertandingan yang diadakan. Contoh aktiviti yang boleh diketengahkan ialah penghasilan cerpen, puisi dan drama. Selain itu pertandingan mendeklamasikan sajak juga boleh diadakan bagi menghapuskan jurang antara pelajar dengan karya sastera. Guru-guru juga mestilah pandai mengambil hati pelajar secara perlahan untuk menarik minat mereka terhadap aktiviti karya sastera. Cara ini merupakan antara cara yang berkesan dan telah di praktikkan di seantero dunia untuk menarik minat pelajar dalam sesuatu aktiviti. Sudah terang lagi bersuluh aktiviti ini mampu menarik minat pelajar terhadap karya sastera.

Dalam kumpulan tinggi, calon menjawab tugas dengan tepat. Calon dapat mengemukakan idea tentang aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera. Calon menulis idea tentang mengadakan kempen membaca karya sastera, mengadakan minggu bahasa dan sastera dan menubuhkan kelab sastera di sekolah untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera.

Calon menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Kosa katanya luas dan tepat penggunaannya. Gaya bahasanya bervariasi dan sangat menarik. Calon dapat menggunakan peribahasa yang sesuai untuk karangan ini. Selain itu, wacana yang digunakan lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

Pelbagai aktiviti yang boleh dibentuk untuk menarik minat murid supaya gemar terhadap karya sastera. Semua sedia maklum, para murid terutamanya perempuan amat gemar membaca novel-novel berunsurkan cinta namun mereka mungkin kurang pendedahan terhadap karya sastera yang lain. Maka itu, pihak sekolah ~~terutamanya~~ perlu mencari pemerah idea untuk me ~~me~~ membuatkan mereka bert ~~bert~~ berkenal-kenalan dengan karya sastera yang lain. Dari sini kita boleh lihat, bahawa pihak sekolah boleh memanggil penulis terbaik atau sasterawan ~~negara~~ negara seperti Ain Mairah. Ain Mairah ~~mem~~ merupakan ~~seorang~~ seorang penulis ~~novel~~ novel ya remaja yang terkenal. Dengan mempelawa ~~at~~ penulis terkenal hadir ke sekolah akan membuatkan para murid melonjak kegirangan. Seorang penulis yang hebat pasti akan memberi input - input positif kepada murid-murid. Murid-murid akan berasa seronok dan bersemangat untuk terus membaca karya-karya sastera dengan dedikasinya. Oleh itu, penglibatan penulis tersohor dalam meningkatkan minat murid dalam dunia sastera adalah terbaik.

Dalam kumpulan sederhana, calon masih dapat menjawab tugas berdasarkan tema yang dikemukakan. Idea yang disampaikan masih jelas dan berkaitan dengan aktiviti untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera. Sebagai contoh, calon mencadangkan aktiviti seperti menjemput penulis atau sasterawan ke sekolah. Contoh yang dikemukakan dalam jawapan di atas masih sesuai.

~~Sudah~~ Mari kita meneruskan perbincangan kita dengan menggunakan kelas minda pertama, ibu bapa adalah guru terdekat kepada anak-anak. Hal ini lantaran ibu bapa mesti menerapkan kanya sastera kepada anak sejak bangun sekolah lagi, kerana bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. E. Buktinya, ibu bapa boleh memenangi anak-anak untuk membaca kanya sastera bersama-sama. Impaknya, minat anak-anak akan dipupuk dan bakat anak akan dicungkil ~~kontusinya~~ kontusinya, anak-anak diibaratkan sebagai sehelai kain yang putih hendaklah ~~corakkan~~ corakkan warna pelangi daripada ibu bapa.

Bahasa yang digunakan oleh calon masih gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai jenis ayat tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan unsur bahasa juga masih bervariasi, kosa kata umum dan gaya bahasa yang masih menarik dari segi keindahan bahasa.

Tapi generasi kini tidak rama lagi yang berminat terhadap karya sastra lagi, mereka rasa alat teknologi sudah boleh menganti karya sastra yang lelot.

Memanglah ~~itu~~ satu kenyataan bahawa karya sastra adalah ~~sesuatu~~ <sup>sesuatu</sup> yang tidak menarik dari alat teknologi, tapi ia pun adalah tempat yang ~~di~~ tidak dapat digant

~~akan~~.  
Bagaimana kita memupuk minat ~~murid~~ kanak sejak awal lagi? Kita boleh

selalu membawa dia pergi perpustakaan y di sana ada banyak buku novel yang boleh

bagi dia membaca. Ini akan menjadi satu hobi apabila selalu bawa kamah pergi

perpustakaan.

Dalam kumpulan prestasi rendah, calon tidak dapat mengemukakan idea tentang aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap karya sastra. Idea tidak diuraikan dengan jelas, dan contoh-contoh yang dikemukakan tidak sesuai. Di samping itu, penguasaan bahasa calon lemah. Penggunaan kosa kata lemah dan menyebabkan maksud ayat tidak jelas.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu banyak membaca bahan-bahan seperti majalah, akhbar, jurnal untuk menambahkan pengetahuan, memantapkan fikiran, mengikut perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
2. Calon hendaklah peka terhadap isu-isu semasa agar setiap fakta yang disampaikan tepat dan bukan telahan sahaja.
3. Calon mesti rajin membaca majalah-majalah ilmiah dan akhbar-akhbar harian dan mingguan serta mendengar atau menonton perbincangan-perbincangan ilmiah, debat pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah berasrama penuh melalui media elektronik. Hal ini membolehkan calon mengikut isu-isu semasa dan dapat melahirkan idea-idea yang bernas dan matang.
4. Apabila menghuraikan sesuatu peristiwa, huraian perlulah diperkukuh dengan contoh-contoh yang relevan dengan tajuk yang diberi. Calon digalakkan menulis pendapat tokoh-tokoh ilmuwan seperti Hamka, Abraham Lincoln, Ibnu Sina dan ramai lagi negarawan atau membuat analogi bagi memantapkan isi yang hendak disampaikan.
5. Calon perlu membuat lebih banyak latihan tatabahasa, umpamanya latihan membina ayat, penggunaan imbuhan dan pemilihan kosa kata yang tepat.
6. Calon-calon hendaklah sentiasa berlatih untuk membina perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya.
7. Calon mestilah rajin merujuk kamus dan kamus yang dicadangkan ialah Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata.
8. Calon hendaklah selalu membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan dapat menyampaikan buah fikiran dengan ayat yang gramatis dan pengolahan yang menarik.
9. Sebelum menjawab soalan, calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan seterusnya menulis karangan yang dipilih.
10. Setiap isi utama mestilah dikembangkan atau dihuraikan dengan jelas disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.
11. Elakkan daripada menggunakan perkataan atau istilah yang bombastik.
12. Penggunaan penanda wacana memang berkesan untuk menjamin kesinambungan karangan tetapi pemilihannya hendaklah tepat digunakan pada tempat yang sesuai untuk menghasilkan karangan yang benar-benar jitu dan tepat.
13. Jika ingin memasukkan unsur sastera seperti pantun, peribahasa atau perumpamaan pastikan anda benar-benar arif tentang unsur-unsur sastera berkenaan sama ada daripada segi maknanya mahupun penggunaan atau penulisannya.
14. Pastikan peruntukan masa yang wajar untuk menyemak semula karangan yang telah dihasilkan agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kesilapan dalam aspek bahasa, ejaan dan kesalahan-kesalahan lain yang memungkinkan markah karangan terpaksa dipotong.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu membaca pelbagai bahan untuk meningkatkan pengetahuan, fakta dan maklumat yang sesuai dengan perkembangan semasa.
2. Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada murid sejak di peringkat menengah rendah lagi agar murid memahami cara merangka karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
3. Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan pelajar semasa pengajaran agar pelajar dapat mengemukakan isi-isi yang matang dalam karangan.
4. Teknik penulisan karangan secara stilistik perlu didedahkan kepada pelajar terutama karangan yang berbentuk cerpen agar mereka dapat menulis karangan jenis ini dengan lebih menarik.
5. Kursus pemeriksaan kertas Bahasa Melayu perlu didedahkan kepada guru yang masih baharu agar mereka memahami cara pemeriksaan kertas Bahasa Melayu untuk membantu murid di sekolah masing-masing.
6. Kursus kemahiran tatabahasa perlu didedahkan kepada guru secara lebih kerap agar penguasaan bahasa mereka sentiasa mantap.
7. Guru perlu sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu. Sebagai contoh, pada masa ini dengan kemajuan teknologi ICT, guru boleh menggunakan kamus elektronik bersaiz telapak tangan keluaran Besta serta Eleksis yang mudah dibawa dan digunakan di mana-mana sahaja.
8. Guru perlu mengenal pasti kumpulan murid yang lemah dalam penguasaan bahasa untuk mengadakan bengkel penulisan kepada murid berkenaan.
9. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan media ICT untuk menarik minat pelajar.
10. Guru cemerlang Bahasa Melayu hendaklah sentiasa membantu dan berkongsi kepakaran dengan guru-guru lain di peringkat zon atau daerah bagi meningkatkan lagi mutu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru serta murid.
11. Bahan pengajaran mestilah dipelbagaikan untuk menarik minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.
12. Murid mestilah dilatih mengarang pelbagai bentuk karangan yang berformat dan tidak berformat.
13. Guru hendaklah memberikan latihan karangan yang secukupnya kepada murid supaya mereka dapat menguasai pelbagai bidang dalam penulisan.
14. Murid perlu dilatih untuk mengesan kelemahan dan kekuatan sendiri dalam aspek penulisan karangan. Contohnya, murid yang berkemahiran dalam bidang pidato atau syarahan seboleh-bolehnya menjawab soalan yang ada kaitan dengan kebolehannya.
15. Latihan kepada murid mestilah dirancang secara sistematik agar murid menguasai teknik penulisan karangan dengan betul. Oleh sebab itu adalah lebih baik jika guru yang mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat diberi peluang mengajar murid yang sama apabila murid itu berada dalam tingkatan lima.
16. Sebaik-baiknya guru sendiri mestilah mengetahui dan menguasai skema pemarkahan merangkumi aspek takrif, isi, bahasa dan pengolahan agar pengajaran guru lebih berfokus.
17. Dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan guru perlu mengenal pasti potensi setiap murid agar mereka dapat dibimbing berdasarkan potensi masing-masing untuk menghasilkan karangan yang baik.

18. Setiap latihan murid sama ada latihan tatabahasa atau karangan mestilah disemak dengan teliti dan sistematik. Murid hendaklah dimestikan membuat pembetulan agar mereka belajar daripada kesilapan dan dapat meminimumkan kesalahan.